

14 JAN 1998

Hassan-MTES

MAJLIS TINDAKAN EKONOMI SELANGOR DITUBUHKAN

SHAH ALAM, 14 Jan (Bernama) -- Kerajaan Negeri hari ini menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) selaras dengan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara di peringkat kebangsaan dalam usaha menangani kemelut ekonomi kini.

Menteri besarnya, Datuk Abu Hassan Omar berkata, antara matlamat utama penubuhan MTES ini adalah bagi mengenal pasti dan menangani sebarang isu yang membabitkan masalah ekonomi negeri.

Beliau berkata, majlis itu juga akan menyediakan pelan tindakan yang lebih sistematik serta membuat saranan yang bernas sebagai usaha mengatasi sebarang masalah yang timbul.

"Ia juga akan mengawasi pelaksanaan keputusan berhubung dasar kerajaan dan membuat pengubahsuaian yang dirasakan perlu," katanya kepada pemberita dalam sidang berita selepas merasmikan mesyuarat kerajaan negeri di bangunan Sultan Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Menurut beliau MTES dianggotai oleh 31 orang yang antaranya terdiri daripada 13 Exco kerajaan negeri, termasuk beliau sendiri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri serta beberapa persatuan di Selangor.

Antara persatuan itu adalah Persatuan Pengilang Selangor, Persatuan Pengguna, Dewan Perniagaan Melayu, Cina, India, Persatuan Peruncit Malaysia, majlis Belia Selangor, Persatuan pelancongan Selangor dan Persatuan Majikan Selangor.

Abu Hassan berkata tumpuan akan diberikan kepada isu-isu seperti rumah kos rendah, rumah kos sederhana, pertanian, pelancongan, pertanian, pengeluaran barangan tempatan serta industri kecil dan sederhana.

Beliau berkata mesyuarat pertama majlis itu akan diadakan pada 26 Jan ini.

Beliau kemudiannya turut mengumumkan keputusan kerajaan negeri untuk menubuhkan jawatankuasa gerakan pemantapan keutuhan sistem pentadbiran pengurusan peringkat negeri dan daerah selaras dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh Abu Hassan sendiri dengan bermatlamatkan penyediaan perkhidmatan awam yang cekap dan berdisiplin terhindar daripada sebarang perbuatan rasuah.

Beliau seterusnya mengumumkan penubuhan kaunter kutipan cukai tanah di Pejabat Tanah dan Galian Selangor di ruang legar bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang akan memulakan operasinya mulai Feb ini bagi kemudahan orang ramai membayar cukai tanah. -- BERNAMA

AZH PR